

PETALING JAYA, 1 OKT. (BERNAMA) — KERAJAAN TELAH MEMILIH SEORANG PENERUSI +YANG SESUAI+ UNTUK MENGETUAI TRIBUNAL GAJI BAGI MENYELESAIKAN ANOMALI-ANOMALI LAPORAN GAJI KABINET.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI NAMA PENERUSI TERSEBUT AKAN DIUMUMKAN SETELAH URUSAN MENDAPATKAN PERSETUJUAN YANG DIPERTUAN AGUNG, SEPERTI YANG DI KEHENDAKI OLEH UNDANG-UNDANG DISELESAIKAN.

BERUCAP DI PERASMIAN PERSIDANGAN YANG KE-20 PERWAKILAN DUA TAHUN SEKALI MAJLIS KUMPULAN PERUSAHAAN DAN BURUH KASAR (IMG) DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PARA PEKERJA DAPAT BERSABAR KERANA KERAJAAN SEPERRTI PEKERJA JUGA INGIN MENYELESAIKAN MASALAH ANOMALI ITU SECEPAT MUNGKIN.

SAMBIL MEMINTA MAAF BAGI PEHAK KERAJAAN KERANA TRIBUNAL ITU BELUM DIBENTUK BELIAU BERKATA, INI ADALAH DISEBABKAN OLEH DESAKAN DARI PEKERJA-PEKERJA YANG INGIN MELIHAT PENERUSI TRIBUNAL ITU TERDIRI DARI TOKOH YANG MEMPUYAI BEBERAPA SIFAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUMUMKAN BAHAWA GAJI LEBIHMASA LEBIH DARI SATU PERTIGA DARI GAJI BOLEH DIADAKAN DALAM KES-KES TERTENTU DALAM MANA KERJA LEBIHMASA TIDAK BOLEH DIELAKKAN DAN INI DISAHKAN OLEH PEGAWAI TERTENTU. --BERSAMBUNG 1358/BY

EX

3533

MAHATHIR 2 PETALING JAYA

WALAU BAGAIMANAPUN KERAJASA MASIH MENGAKAGI MASALAH TTUNGGAKAN BAYARAN KERJA LEBIHMASA KERANA INI MEYENTUH BEBERAPA PRINSIP PERKHIDMATAN.

MENGENAI CADANGAN MENGHIDUPKAN SEMULA MAJLIS KERANGSAA WHITLEY (IMG) DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK MEMOLAK CADANGAN ITU TETAPI UNTUK MENGELAK DARI MEMBUAT KEPUTUSAN YANG TIDAK BIJAK, KERAJAAN TERPAKSA MENGAMBIL MASA UNTUK MENENTUKAN SIKAPNYA.

CADANGAN TERSEBUT TELAH DIBANGKITKAN OLEH WAKIL KESATUAN IMG DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR APABILA MEREKA BERTEMU SEJURUS SELEPAS TANGGAGAJI KABINET DIUMUMKAN.

+SAYA PERCAYA PERKRA INI AKAN DIBINCANGKAN DALAM PERHIMPUNAN INI DAN SAYA HARAP RESOLUSI DAN MEMORANDUM DAPAT DISAMPAIKAN KEPADA KERAJAAN UNTUK DIKAJI DAN DIPERTIMBANGKAN,+ KATANYA.

MENGENAI KUASA YANG ADA PADA KESATUAN SEKERJA DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PADA KESELURUHANNYA BELUM ADA BUKTI KECENDERUNGAN MENYALAH GUNAKAN KUASA ATAU TINDAKAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DI KALANGAH KESATUAN SEKERJA DI MALAYSIA.

+KITA BERSUKUR KERANA KUASA YANG ADA PADA KESATUAN SEKERJA DI NEGARA INI TIDAK DIGUNAKAN UNTUK KEBURUKAN,+ KATANYA.

— BERSAMBUNG 1415/1B

MAHATHIR 3 PETALING JAYA

114

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEMANG ADA UGUTAN UNTUK MENYUSAHKAN RAKYAT TERMASUK ORANG SAKIT, KANAK-KANAK SEKOLAH DAN PENGGUNA-PENGGUNA BAS JIKA TUNTUTAN TIDAK DILAYAN DAN MEMANG ADA TINDAKAN DIAMBIL UNTUK MENGANCAM ORANGRAMAI DAN MEMANG ADA PERCUBAAN MEMPERALATKAN KESATUAN SEKERJA UNTUK POLITIK TETAPI BELUM ADA BUKTI KE ARAH PENYALAHGUNAAN KUASA.

MISALNYA, KATANYA KESATUAN IMG SENDIRI DALAM MASALAH GAJI KABINET, TIDAK MENGUGUT DAN TIDAK ANGKUH SERTA SOMBONG.

+CARA SAUDARA IALAH CARA RUNDINGAN DAN TLAK ANSOR,+ KATANYA.

KATANYA CARA RUNDINGAN DAN TOLAK ANSOR ADALAH AMAT SUKAR DIAMALKAN OLEH ORANG YANG BERKUASA KERANA KECENDERUNGAN ORANG YANG BERKUASA MENGUGUT DAN BERTINDAK KERAS JIKA DIHALANG.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA TIDAK AKAN MENGGUNAKAN KUASA YANG LEBIH DARI HAK MELAINKAN DIIZIN OLEH RAKYAT.

KATANYA SETAKAT INI NAMPAKNYA RAKYAT SANGGUP MENGHADAP BERBAGAI KESULITAN AKIBAT TINDAKAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB OLEH ORANG-ORANG YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN TERTENTU KERANA RAKYAT SAYANG KEPADA KEBEBASAN BERTINDAK.

OLEH ITU KERJAAN TIDAK AKAN MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN UNTUK MENCEGAH PERBUATAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ITU, KATANYA.

— BERSAMBUNG 1420/1B

EE

2535

MAHATHIR 4 PETALING JAYA

TETAPI BELIAU BERHARAP SIKAP KERAJAAN TIDAK DISALAHTAFSIRKAN SEBAGAI KELEMAHAN OLEH MEREKA YANG MERANCANG MENIMBULKAN KEKACAUAN DAN MENGANCAM EKONOMI DAN KESTABILAN NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBEPI JAMINAN KERAJAAN AKAN MENOLONG MENJAYAKAN KOPERASI KEBANGSAAN PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERHAD.

YANG DIPERTUAN MAJLIS, HAJI ABDUL RAHMAN TAHIR, BERHARAP KEGANJILAN DALAM TANGGAJI KASINET DAPAT DISELESAIKAN DENGAN SEGERA.

BELIAU JUGA BERKATA NAMA-NAMA AHLI PANEL DAN Pengerusi TRIBUNAL AKAN DIUMUMKAN DENGAN SEGERA. — BERNAMA 1424/1B